

12/06/1998

`Masyarakat antarabangsa' definisi Barat

Abdurrahman Haqqi

UNTUK mengalihkan perhatian dunia daripada memusatkan fikiran mengatasi mala petaka dunia sebenar yakni ybencana ekonomi' sebagai akibat Perang Kapitalis Baru, Isnin lalu seluruh pemimpin dunia memulakan perhimpunan mereka di bawah payung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York untuk menerima sebulat suara cadangan Amerika Syarikat mengenai dadah.

Jika mahu jujur, perhimpunan berkenaan adalah sebuah perhimpunan buang masa kerana semua orang tahu dadah itu berbahaya bahkan semua negara juga memerangnya. Tak payah semua pemimpin dunia diundang hanya untuk membincangkannya kemudian menjadi `catatan kerja' PBB baru. Padahal banyak, jika tak semua, hasil kerja PBB hanya mementingkan kepentingan sepihak saja yakni Barat.

Anda tentu ingat Samuel P Huntington yang mengejutkan dunia dengan tesis Clash of Civilization pada 1993. Dalam tulisan yang disiarkan Foreign Affairs musim panas itu, dia menyatakan keputusan Dewan Keselamatan PBB atau Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mencerminkan kepentingan Barat dikatakan cerminan daripada keinginan `masyarakat antarabangsa'.

Ungkapan ini sengaja digunakan untuk memberikan legitimasi sejagat bagi tindakan yang mencerminkan kepentingan Amerika dan kekuatan Barat lain. Melalui IMF dan badan ekonomi antarabangsa lain, Barat mengangkat kepentingan ekonominya dan memasukkan ke negara penerima kebijaksanaan ekonomi yang dianggapnya sesuai.

Contoh dominasi Barat atas Dewan Keselamatan PBB dan keputusannya yang hanya sekali-sekala diganggu sikap tidak memihak China sudah menghasilkan legitimasi PBB atas penggunaan kekuatan Barat untuk memaksa Iraq keluar dari Kuwait (halaman 42, 43).

Huntington juga memberikan gambaran `masyarakat antarabangsa' adalah Barat dan Barat adalah `masyarakat antarabangsa', tak lain dan tak bukan. Hampir semua pemimpin Barat, menurutnya, bersama-sama mendakwa mereka bertindak atas nama `masyarakat antarabangsa'. Suatu penyimpangan kecil berlaku ketika Perang Teluk. Dalam temubual rancangan Good Morning America (21 Disember 1990), Perdana Menteri Britain, John Major menunjuk kepada aksi Barat yang dilakukan terhadap Saddam Hussein. Tetapi dia kemudian menyedari dan membetulkan kesilapannya dengan cepat dan mengatakan `masyarakat antarabangsa' bukan Barat. Dia benar ketika dia berbuat silap, katanya.

Ungkapan `masyarakat antarabangsa' sekarang menjadi senjata kapitalis baru untuk menguasai peradaban dunia. Kapitalis baru akan mengatakan `disukai' atau `tak disukai' oleh `masyarakat dunia' untuk menjatuh atau menaikkan pemimpin Dunia Ketiga. Daripada ungkapan `masyarakat antarabangsa' inilah timbul `kuasa pasaran' yang semuanya berhulu kepada Barat.

Penyelidik menyatakan sistem baru dunia (selepas kejatuhan komunis) akan berpusat di Amerika Syarikat dalam bidang politik, ketenteraan dan keselamatan manakala Eropah dan Jepun ditugasi bidang ekonomi (Fathi Yakan, al-Mutaghayyirat ad-Dauliyah wa ad-Daur al-Islami al-Matlub, 27).

Dalam buku yang diterbitkan pada 1993 ini, Fathi membincangkan perubahan dunia dan apa yang diharapkan daripada peran Islam menghadapinya. Dalam pandangannya, Barat adalah Amerika dan Amerika adalah kepentingan Zionis (halaman 31) manakala PBB adalah lambang kekuasaan Yahudi kerana ia idea seorang Yahudi dan dikuasai Yahudi hingga kini (isteri Setiausaha Agung seorang Yahudi). Daripada semua jabatan PBB yang ada, 18 jabatan penting

dipimpin bangsa Yahudi. Malah, Human Rights 1948 adalah cadangan seorang profesor Yahudi (halaman 28-30 disenaraikan pula nama dan jabatan masing-masing).

Kita beralih kepada pandangan seorang pemimpin sebuah negara. Dalam beberapa akhbar Indonesia pandangan ini disebut 'Ajakan perang gerila Mahathir' sempena ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (4 Jun 1998) di Jepun mengenai kapitalis baru dalam ucapan bertajuk 'Globalisasi, deregulasi dan masa depan Asia' yang dikatakan: "Tentulah tidak akan ada peperangan kemerdekaan. Tetapi akan ada bentuk peperangan gerila yang tidak baik untuk semua."

Dr Mahathir mengatakan: "Hari ini, bukan eksploitasi pekerja tempatan yang menjadi fokus kapitalis baru. Ia adalah eksploitasi negara miskin di seluruh dunia yang menjanjikan perolehan tanpa batasan. Justeru, mereka mendesak ke arah mewujudkan deregulasi dan globalisasi... (dengan penguasaan media)... Jika mereka mengatakan globalisme adalah baik, maka keseluruhan kelengkapan akan berkata demikian dan tiada siapa yang dibenarkan berkata sebaliknya."

Nampaknya, Dr Mahathir menggunakan alternatif kedua dan ketiga daripada tiga alternatif jawapan bukan Barat terhadap kekuatan dan nilai Barat seperti diklasifikasikan Kishore Mahbubani dalam *The West and the Rest*. Alternatif pertama pengasingan diri (isolation), alternatif kedua adalah gabungan band-wagoning dalam teori hubungan antarabangsa yakni mengikuti Barat dan alternatif ketiga adalah pengimbangan dengan mengembangkan kekuatan dan bekerjasama dengan masyarakat bukan Barat melawan Barat sambil memperkukuh institusi dan nilai tempatan.

PBB atau 'masyarakat antarabangsa' atau Barat, jika benar ia pejuang kemakmuran sejagat, sepatutnya memperhatikan apa yang menimpa Asia Timur dengan saksama dan jujur. Mereka sepatutnya sedar, seperti dikatakan Dr Mahathir: "Keadaan ini mungkin ganjil dalam dunia yang berterusan bercakap mengenai kebebasan suara, mengenai hak asasi manusia. Ia bertambah ganjil apabila berjuta-juta manusia yang menjadi penganggur dan melarat, tidak membangkitkan rasa simpati pejuang hak asasi manusia". Bukankah ini lebih dahsyat daripada najis dadah yang sedang dibincangkan mereka itu?

(END)